

Penjagaan Selepas TAVI



Edwards


Isi Kandungan

Pengenalan	3
Selepas prosedur TAVI, apa yang perlu saya jangkakan?	
Panduan untuk Beberapa Minggu Pertama di Rumah	5
Minggu 1	
Minggu 2-3	
Minggu 3-6	
Minggu 4-6	
Soalan Lazim	7
Apa yang perlu diambil perhatian apabila saya pulang ke rumah selepas prosedur TAVI?	
Bagaimana untuk menjaga hirisan/luka?	
Apakah tahap aktiviti saya?	
Apa yang perlu saya bimbangkan dan memerlukan perhatian daripada doktor/pasukan jantung saya?	
Adakah saya perlu mengambil ubat khas selepas TAVI?	
Apakah kegunaan kad injap?	



Lebih daripada 1,000,000 orang di seluruh dunia telah menjalani prosedur TAVI.

TAVI adalah prosedur yang menggantikan injap aorta yang berpenyakit pada orang yang mengalami stenosis aorta yang teruk. Ia adalah prosedur yang kurang invasif berbanding pembedahan jantung terbuka dan ia boleh membantu anda pulih lebih cepat.



Pengenalan

Selepas prosedur TAVI, apa yang perlu saya jangkakan?



Merancang awal

Kadang-kadang sukar untuk meramalkan berapa banyak bantuan yang anda perlukan selepas TAVI. Adalah berguna untuk merancang awal dan dicadangkan supaya anda mempunyai penjaga yang bersedia membantu sekurang-kurangnya seminggu selepas itu. Kebanyakan orang akan berasa lebih kuat selepas kira-kira 1-2 bulan.



Kekal Berhubung dengan Pasukan Penjagaan

Pasukan TAVI anda (doktor atau jururawat) akan memberikan arahan penjagaan susulan yang lebih khusus untuk anda, yang mungkin termasuk mendaftarkan anda dalam pemulihan penjagaan jantung. Untuk memastikan anda pulih seperti yang sepatutnya, anda harus menghadiri lawatan susulan yang dijadualkan dengan pasukan penjagaan TAVI anda.

Anda harus diberikan ringkasan rawatan anda dan ini harus dikongsi dengan doktor utama yang menjaga anda.

Jika penjagaan susulan anda adalah dengan Doktor TAVI yang melakukan TAVI anda, adalah penting untuk menghubungi doktor utama anda untuk memberitahu mereka bagaimana prosedur itu berjalan.

Semasa anda pulih, adalah penting untuk menghubungi atau berjumpa dengan pasukan penjagaan anda apabila anda mempunyai soalan atau kebimbangan, terutamanya jika anda mengalami sebarang masalah luar biasa seperti pendarahan, kesakitan, ketidakselesaan, atau perubahan dalam kesihatan keseluruhan anda.

Pengenalan

Selepas prosedur TAVI saya, apa yang perlu saya jangkakan?



Sokongan Selepas TAVI

Semasa anda pulih daripada TAVI, adalah normal untuk mengalami pelbagai emosi. Adalah baik untuk berkongsi pengalaman anda dan perasaan anda dengan orang lain. Jika ada, anda juga boleh mencari kumpulan sokongan tempatan (melalui pasukan penjagaan anda) di mana anda boleh bertemu dan berkongsi pengalaman serta tip tentang penjagaan selepas prosedur TAVI.

Selepas meninggalkan hospital, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diingati:

- Anda perlu melindungi luka hirisan supaya ia sembuh dengan baik.
- Anda mungkin mengalami kesakitan semasa proses penyembuhan. Pasukan Penjagaan Kesihatan anda boleh menetapkan ubat untuk membantu mengurangkan kesakitan ini.
- Pastikan anda terus melakukan senaman pernafasan untuk mengembangkan paru-paru anda dan mencegah komplikasi seperti pneumonia.

Dalam buku panduan ini, anda atau penjaga anda boleh mencari maklumat terperinci tentang apa yang diharapkan dan cara menjaga diri anda selepas prosedur TAVI apabila anda pulang ke rumah.

Panduan untuk Beberapa Minggu Pertama di Rumah



Senaman adalah bahagian penting dalam pemulihan anda, tetapi anda harus melakukannya secara perlahan-lahan untuk beberapa hari pertama di rumah. Kekalkan seaktif seperti hari terakhir anda di hospital. Ingat untuk terus melakukan senaman pernafasan dalam yang diajar oleh ahli fisioterapi dan perlahan-lahan serta secara beransur-ansur meningkatkan aktiviti anda setiap hari. Ingat bahawa rehat adalah penting, jadi tidur sebentar atau berehat apabila anda memerlukannya.

Terima had anda dan jangan terlalu meletihkan diri sendiri. Jangan angkat benda berat, mencangkung atau menaiki tangga dengan kerap untuk minggu pertama. Berjalanlah dengan teman setiap hari dan secara beransur-ansur tingkatkan jaraknya.

Anda mungkin masih memerlukan ubat penahan sakit untuk minggu pertama ini – anda akan mendapati ia lebih berkesan jika anda mengambilnya secara berkala, contohnya dua 500mg Paracetamol 4 kali sehari. Jangan memandu.



Panduan untuk Beberapa Minggu Pertama di Rumah



Anda sepatutnya mula berasa lebih kuat dan mampu melakukan lebih banyak aktiviti di sekitar rumah. Tingkatkan jarak berjalan anda dan ingat untuk cuba melakukannya setiap hari. Sekali lagi, jangan terlalu memaksakan diri dan ingat untuk berehat apabila diperlukan. Anda boleh mula melakukan kerja rumah ringan. Anda akan mendapati bahawa anda boleh melawat ke kedai berdekatan untuk barang-barang ringan.



Anda sepatutnya dapat menguruskan kebanyakan tugas rumah tangga biasa, tetapi elakkan berkebun berat atau mengangkat benda berat. Elakkan mencangkung. Kebanyakan pesakit merasa mereka dapat kembali kepada aktiviti normal dalam tempoh ini tetapi adalah penting untuk diingati bahawa anda baru lepas pembedahan.



Anda akan dinilai oleh doktor di klinik pesakit luar.



Soalan Lazim

1. Apa yang perlu diambil perhatian apabila saya pulang ke rumah selepas prosedur TAVI?



Rehat, tidur dan relaksasi

Dalam beberapa minggu pertama di rumah, anda akan merasa cepat letih (disebabkan oleh tekanan pembedahan atau kemungkinan anemia), jadi rehat dan tidur yang mencukupi adalah penting untuk pemulihan anda selain bersenam secara perlahan-lahan. Beritahu keluarga dan rakan-rakan apabila anda perlu berehat. Cuba dapatkan tujuh hingga sepuluh jam tidur setiap malam jika boleh. Anda mungkin sukar tidur pada minggu pertama selepas keluar dari hospital, kerana jadual tidur biasa anda mungkin terganggu. Jika anda merasa tidak selesa, pastikan anda mengambil ubat penahan sakit anda. Ingat untuk mendengar keperluan badan anda dan berehat serta tidur apabila diperlukan.



Diet

Diet rendah natrium (sodium) adalah dicadangkan. Garam yang diambil bertindak seperti span di dalam badan dan boleh menahan cecair. Ini boleh membuatkan anda merasa letih, sesak nafas dan mungkin menyebabkan bengkak kaki. Ambil makanan yang berkhasiat setiap hari. Sesetengah pesakit mungkin mengalami sedikit pengurangan selera makan dalam 1-2 minggu selepas prosedur. Jika ini ketara, sila beritahu pasukan penjagaan kesihatan anda.



Mood dan emosi

Selepas pembedahan, anda mungkin berasa murung atau tertekan, ini dikenali sebagai "post-op blues" dan ia adalah biasa untuk merasa begini, jadi jangan risau. Anda mungkin merasa mudah marah atau terlalu emosional dan mudah menangis. Ini boleh berlaku pada bila-bila masa, dan sering tanpa amaran. Percayalah bahawa ia akan reda dalam beberapa bulan pertama. Anda dan keluarga anda mungkin terjejas oleh perasaan ini, jadi penting untuk membincangkannya secara terbuka dengan mereka tentang perasaan anda. Jika anda masih merasa begini selepas beberapa bulan, atau anda merasa sangat tertekan, kurang tumpuan atau mengalami kehilangan ingatan, maka anda harus menghubungi pasukan penjagaan atau doktor keluarga anda.

Soalan Lazim



Tekanan

Apabila anda berasa stres, badan anda bertindak balas dengan cara tertentu: Otot anda menjadi tegang, tekanan darah meningkat, anda bernafas dengan lebih cepat, anda berpeluh dan menjadi cemas. Badan anda menghasilkan lebih banyak gula, asid lemak, kolesterol dan adrenalin. Ini boleh memperlahankan sistem pencernaan dan menjejaskan sistem imun anda. Adalah baik untuk cuba mengelakkan situasi yang tertekan. Berbincanglah dengan rakan atau doktor tentang perkara ini.

2. Bagaimana untuk menjaga hirisan/luka?



Mandi

Untuk minggu pertama, elakkan kolam renang/merendam dalam tab mandi untuk mengelakkan kuman dalam air daripada memasuki luka. Walau bagaimanapun, mandi setiap hari adalah dicadangkan untuk memastikan luka anda bersih dan menggalakkan penyembuhan. Anda boleh duduk di atas kerusi kalis air untuk mandi jika perlu. Jika anda menggunakan tab mandi, ingat untuk:

- Kosongkan air sebelum anda keluar dan berhati-hati semasa keluar.
- Gunakan tikar anti-gelincir atau tuala sebelum cuba berdiri.
- Dapatkan bantuan semasa keluar dari tab mandi.

Soalan Lazim



Luka

Elakkan daripada menggunakan salap, bedak, minyak, atau losyen di sekitar luka anda.

Jika luka anda menjadi merah, menjadi lebih sakit secara tiba-tiba atau mula mengeluarkan

cecair, anda harus segera berjuma dengan doktor untuk nasihat. Jika anda melihat lebam yang semakin teruk (gelap dan bengkak), anda juga harus menghubungi pasukan penjagaan kesihatan anda. (Adalah normal untuk melihat lebam berubah dari ungu gelap ke kehijauan/kuning).



Pastikan anda mencuci tangan dengan air suam dan sabun atau pembasmi kuman sebelum menyentuh kawasan luka.



Pertolongan cemas segera

Anda mungkin merasa benjolan di tempat prosedur dan ini adalah normal. Jika ia tiba-tiba berdarah atau menjadi sangat besar dan sakit, anda harus berbaring di permukaan rata dan mendapatkan bantuan. Penjaga harus mencuci tangan mereka dan kemudian memberi tekanan langsung kira-kira 1-2 cm di atas kawasan luka. Tekanan ini perlu diteruskan selama kira-kira 15 minit, jangan lepaskan tekanan secara berkala untuk memeriksa. Pemampatan adalah berkesan jika benjolan mengecil selepas 15 minit. Berehat di katil sepanjang hari. Jika ini tidak bertambah baik – dapatkan bantuan di hospital.

3. Apakah tahap aktiviti saya?



Memandu

Anda tidak boleh memandu selepas pembedahan injap jantung selama 4 minggu dari masa pembedahan. Anda boleh mula memandu semula selepas 4 minggu jika anda bebas daripada gejala dan selepas mendapat kebenaran daripada doktor anda.

Soalan Lazim



Senaman

Berjalan adalah senaman terbaik untuk dilakukan selepas prosedur TAVI. Mengangkat, menolak, atau menarik benda yang melebihi 2-3 kg adalah dilarang dalam minggu pertama (tempoh ini mungkin lebih lama jika TAVI anda dilakukan melalui akses lain seperti dari apeks jantung atau sekitar tulang selangka). Juga elakkan berkebun berat, membeli barang runcit, mencuci pakaian, membongkok atau mencangkung. Untuk senaman yang lebih berat (contohnya gim, berbasikal), adalah tidak dicadangkan sehingga anda mempunyai lawatan susulan 30 hari dengan pasukan jantung anda untuk memastikan luka mempunyai masa yang cukup untuk sembah. Anda boleh mempertimbangkan untuk mendaftar dalam program pemulihan jantung hospital anda untuk cara yang lebih terkawal untuk memulakan semula senaman.



Hubungan seksual

Ramai pesakit yang telah menjalani pembedahan jantung mengalami kebimbangan tentang menyambung semula hubungan seksual. Adalah selamat untuk melakukan hubungan seks dan/atau rangsangan seksual selepas pembedahan. Walau bagaimanapun, kami biasanya menasihatkan anda menunggu antara 2 hingga 4 minggu, untuk memberi masa kepada luka anda untuk sembah. Anda boleh menyambung semula apabila anda merasa bersedia.



Percutian dan penerbangan

Jika anda bercadang untuk pergi ke luar negara, kami menasihatkan anda menunggu sehingga selepas janji temu susulan anda. Jika anda bercadang untuk penerbangan jarak jauh, maka anda harus menunggu lebih lama, tetapi harus berbincang dan bersetuju tentang masa terbaik dengan pasukan penjagaan kesihatan anda. Jika anda mengambil Warfarin, anda perlu memberitahu klinik anti-koagulan anda, kerana mereka mungkin perlu menyesuaikan dos anda. Adalah penting untuk anda menutup parut anda dengan pelindung matahari sepenuhnya semasa berjemur untuk sekurang-kurangnya enam bulan pertama untuk mengelakkan selaran matahari. Anda juga mesti memaklumkan syarikat insurans pelancongan anda tentang butiran pembedahan anda.

Soalan Lazim

4. Apa yang perlu saya bimbangkan dan memerlukan perhatian daripada doktor/pasukan jantung saya?

- Demam
- Pertambahan berat badan 1-2 kg dalam sehari
- Tekanan darah konsisten meningkat pada 160 (lakukan 3 ukuran/hari)
- Kemerahan/kesakitan/pengeluaran cecair pada luka
- Bengkak
- Sakit dada
- Berdebar-debar/jantung berdegup laju
- Rasa pengsan/pitam
- Kesukaran bernafas apabila berbaring rata, atau terjaga tercungap-cungap pada waktu malam

5. Adakah saya perlu mengambil ubat khas selepas TAVI?

Ubat pencair darah akan diberikan selepas TAVI untuk mengelakkan pembekuan darah melekat di sekitar injap baru. Jururawat atau ahli farmasi hospital akan memberikan bekalan tablet sehingga lawatan susulan anda yang seterusnya. Anda boleh meminta ringkasan ubat-ubatan yang anda ambil. Jika anda disusuli oleh doktor am, pasukan penjagaan kesihatan anda harus berkomunikasi dengan doktor am. Anda juga akan diberikan memorandum untuk dibawa bersama untuk semakan. Anda harus menyimpan senarai ubat terkini setiap masa, dan jika anda mengambil Warfarin, simpan buku dos anda bersama anda.

6. Apakah kegunaan kad injap?

Anda harus diberikan kad injap supaya anda mengetahui injap apa yang anda terima. Ini harus disimpan dalam dompet anda. Sila tunjukkan kad ini setiap kali anda mendapatkan rawatan. Jika anda perlu melakukan kerja pergigian segera, sila maklumkan kepada doktor gigi kerana anda memerlukan antibiotik sebelum kerja pergigian.



Edwards, Edwards Lifesciences, logo E yang digayakan ialah tanda dagangan Edwards Lifesciences Corporation atau sekutunya. Semua tanda dagangan lain adalah hak milik pemilik masing-masing.

© 2024 Edwards Lifesciences Corporation. Semua hak terpelihara. APSEA123/3-2021/THV

Edwards Lifesciences • 238B Thomson Road #18-01/08 Novena Square Tower B Singapore 307685 • edwards.com/sg



Untuk maklumat lebih lanjut, layari NewHeartValve.asia

Penafian:

Maklumat dalam bahan ini tidak bertujuan untuk menggantikan nasihat perubatan profesional dan tidak boleh dijadikan satu-satunya rujukan untuk nasihat kesihatan atau peribadi. Sentiasa dapatkan panduan daripada profesional kesihatan yang berkelayakan dengan sebarang soalan yang anda ada mengenai kesihatan atau keadaan perubatan anda.



Edwards